

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : LAMPU LED DAN CCTV DI PBT**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa status (a) penggantian lampu LED dan (b) pemasangan CCTV di PBT-PBT Negeri Selangor?
- b) Berapa jumlah yang dibelanjakan setakat ini oleh PBT masing-masing sejak permulaan kedua-dua projek ini.
- c) Apa perancangan Kerajaan Negeri untuk tahun-tahun akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor telah mangambil inisiatif bagi menggantikan lampu LED dan pemasangan CCTV. Penggantian lampu LED dan pemasangan CCTV menelan kos yang sangat tinggi dan dilaksanakan secara berperingkat dan berfasa oleh PBT masing-masing. Ia juga bergantung kepada kewangan PBT masing-masing.
- b) Berikut adalah peruntukan yang dibelanjakan oleh PBT bagi penggantian lampu LED dan pemasangan CCTV.

PBT	Jumlah yang dibelanjakan (RM)	
	Penggantian Lampu LED	Pemasangan CCTV
MBSA	134,994.60	2,793,312.00
MBPJ	27,155,770.58	6,245,185.00
MPK	133,166.30	-
MPAJ	3,000,000.00	540,000.00
MPSJ	10,163.23	19,961,641.60
MPS	2,127,152.00	145,000.00
MPKJ	500,000.00	-

MPSp	9,077,341.70	126,600.00
MDKL	448,160.00	323,347.00
MDHS	100,000.00	-
MDKS	72,340.00	-
MDSB	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>42,759,088.41</b>	<b>30,135,085.60</b>

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM6 juta setahun bagi pemasangan 414 unit CCTV di seluruh PBT. Kontrak ini telah dilaksanakan bermula tahun 2013 dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

- c) Kerajaan Negeri menyokong penuh inisiatif rendah karbon di mana salah satunya adalah penggunaan lampu LED yang jimat tenaga elektrik, kurang membebaskan haba dan mempunyai jangka hayat yang lebih lama. Beberapa pembentangan daripada syarikat pembekal lampu LED telah dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dengan menerangkan faedah yang bakal diterima oleh PBT. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri turut menggalakkan PBT sendiri untuk meneliti dan menggantikan lampu SON kepada lampu LED berdasarkan peruntukan masing-masing.

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melaksanakan *technology refreshment* ke atas 414 unit CCTV sedia ada daripada sistem analog kepada digital. Pihak UPEN sedang bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) SUK dan SSDU untuk memastikan sistem CCTV yang digunakan seiring dengan keperluan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : SIASATAN MACC**

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah siasatan MACC terhadap setiap PBT di Negeri Selangor untuk 5 tahun yang lepas?
- b) Apakah butiran tindakan susulan daripada siasatan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai siasatan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor untuk tempoh lima (5) tahun yang lepas iaitu pada tahun 2015 sehingga Oktober 2019, **jumlah bilangan kertas siasatan adalah sebanyak 169.** Pecahan siasatan mengikut PBT adalah seperti berikut:

<b>JABATAN</b>	<b>JUMLAH SIASATAN BAGI SETIAP PBT</b>
<b>Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)</b>	<b>31</b>
<b>Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)</b>	<b>23</b>
<b>Majlis Perbandaran Klang (MPK)</b>	<b>30</b>
<b>Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)</b>	<b>9</b>
<b>Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)</b>	<b>16</b>
<b>Majlis Perbandaran Selayang (MPS)</b>	<b>17</b>
<b>Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)</b>	<b>15</b>

<b>Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)</b>	<b>9</b>
<b>Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)</b>	<b>5</b>
<b>Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)</b>	<b>2</b>
<b>Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)</b>	<b>3</b>
<b>Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)</b>	<b>9</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>169</b>

- b) Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tindakan susulan bagi siasatan terhadap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor adalah sebanyak **93 kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan / Agensi masing-masing untuk tindakan lanjut**. Manakala sebanyak **76 kertas siasatan masih dalam tindakan siasatan**. Pecahan siasatan mengikut PBT adalah seperti berikut:

<b>JABATAN</b>	<b>Dalam siasatan</b>	<b>Rujukan jabatan / Difailkan</b>
<b>Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)</b>	<b>9</b>	<b>22</b>
<b>Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)</b>	<b>13</b>	<b>10</b>
<b>Majlis Perbandaran Klang (MPK)</b>	<b>12</b>	<b>18</b>
<b>Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<b>Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)</b>	<b>7</b>	<b>9</b>
<b>Majlis Perbandaran Selayang (MPS)</b>	<b>8</b>	<b>9</b>
<b>Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)</b>	<b>10</b>	<b>5</b>

<b>Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)</b>	<b>1</b>	<b>8</b>
<b>Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)</b>	<b>5</b>	<b>0</b>
<b>Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)</b>	<b>0</b>	<b>2</b>
<b>Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)</b>	<b>1</b>	<b>2</b>
<b>Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)</b>	<b>6</b>	<b>3</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>76</b>	<b>93</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : STADIUM SELAYANG**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pihak kerajaan bercadang untuk mengalihkan kedudukan Stadium Selayang ke lokasi yang lebih sesuai dari kedudukannya yang ada kini?

**JAWAPAN:**

- a) Tanah Stadium MPS telah diwartakan untuk kegunaan stadium. Pada masa kini, Majlis tidak mempunyai perancangan pemindahan kerana Majlis tidak mempunyai lokasi tapak yang bersesuaian. Namun begitu, cadangan pemindahan ini, boleh dilaksanakan sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewartakan atau memberimilik tapak yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : KUTIPAN HASIL**

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan hasil Kerajaan Negeri bagi hasil premium tanah mengikut daerah bagi tahun 2018 dan terkini tahun 2019 sehingga bulan September?
- b) Selain kutipan hasil premium tanah, nyatakan mengikut pecahan hasil Kerajaan Negeri yang lain bagi tahun 2018 dan 2019?

**JAWAPAN:**

- a) Hasil kutipan premium tanah pada tahun 2018 adalah sebanyak RM627.75 juta. Bagi tahun 2019, angka sehingga 30 September 2019 adalah sebanyak RM709.82 juta. Perincian bagi hasil kutipan premium tanah mengikut daerah adalah seperti jadual di bawah :

Jadual : Perincian Kutipan Premium Tanah Mengikut Daerah sehingga 31 Disember 2018 dan 30 September 2019

<b>BIL</b>	<b>PTD/PTJ</b>	<b>KUTIPAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018 (RM)</b>	<b>KUTIPAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2019 (RM)</b>
1	PTGS	7,014,500.00	4,152,348.12
2	PETALING	103,552,377.46	219,334,299.61
3	GOMBAK	60,765,446.87	42,352,854.55
4	KLANG	68,877,713.04	217,519,446.59
5	KUALA LANGAT	108,294,198.20	28,243,134.60
6	HULU LANGAT	148,333,129.68	50,716,076.43

7	SEPANG	34,033,010.80	47,100,074.58
8	KUALA SELANGOR	73,024,750.61	86,735,201.66
9	HULU SELANGOR	18,241,889.00	7,653,188.00
10	SABAK BERNAM	5,609,707.50	6,014,291.00
<b>JUMLAH</b>		<b>627,746,723.16</b>	<b>709,820,915.14</b>

(Sumber : SPEKS - Laporan Hasil Mengikut Jabatan)

- b) Jadual hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2018 dan sehingga 30 September 2019 adalah seperti di bawah :

PERIHAL	KUTIPAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2018 (RM)	KUTIPAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2019 (RM)
HASIL CUKAI	654,540,858.44	628,281,600.81
HASIL BUKAN CUKAI	1,061,514,501.70	938,273,746.16
TERIMAAN BUKAN HASIL	282,461,676.09	240,113,263.72
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>1,998,517,036.23</b>	<b>1,806,668,610.69</b>

(Sumber : SPEKS – Penyata Hasil Negeri)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)**

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi penyelenggaraan dan baikpulih SRA pada tahun ini?
- Nyatakan jenis bantuan yang telah dan sedang diberikan Kerajaan Negeri kepada SRA?
- Senaraikan SRA di DUN Permatang yang telah menerima peruntukan serta nilai peruntukan dari 2018 - 2019?

**JAWAPAN:**

- Jumlah peruntukan bagi menyelenggara dan baikpulih SRA pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 2,562,959.10
- Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor telah memberikan pinjaman Buku Teks Tahap 1 dan Tahap 2 dan juga Pembersih Kawasan di setiap sekolah dan kawalan keselamatan di sekolah gred A dan B.
- Menerima Peruntukan Serta Nilai Peruntukan Tahun 2018-2019

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
1	SRA Bukit Belimbing	19,960.00
2	SRA Parit 11 Sg Sireh	19,870.50
3	SRA Kg Jaya Setia, Bestari Jaya	19,800.00
4	SRA Batu 4 Sg Terap & Sra Kunci Air Buang Tg Karang	19,725.00
5	SRA Kg Bkt Badong Bestari Jaya	19,800.00
6	SRA Blok 'S' Sungai Burung	19,397.40
7	SRA Bukit Belimbing	19,700.00
8	SRA Sungai Sembilang	19,770.00
9	SRA Sri Desa Tanjung Karang	19,760.00
10	SRA Batu 12 Sg Burong	19,747.00
11	SRA Bandar Malawati	19,790.00

<b>BIL</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>
12	SRA Sungai Tengi Kanan Tanjong Karang	19,737.50
13	SRA Parit 1, Sg Sireh	19,780.00
14	SRA Permatang, Kg Permatang	19,750.00
15	SRA Othmaniah Parit Serong Tg Karang	19,720.00
16	SRA Puncak Alam	19,900.00
17	SRA Assam Jawa	19,700.00
18	SRA Blok S Sg Burong Tg Karang	19,700.00
19	SRA Sungai Tengi Kanan	19,620.50
20	SRA Sungai Sireh	19,580.00
21	SRA Bkt Belimbing	19,820.00
22	SRA Blok S Sg Burong Tg Karang	19,780.00
23	SRA Batu 11 Jln Bernam Tg Karang	19,750.00
		<b>454,157.90</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MASALAH PENIAGA KEDAI RUNCIT ACHEH**

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri akan mengarahkan PBT-PBT untuk menggubal UUK bagi tambahan syarat pengeluaran lesen dan tred masing-masing dalam mengekang masalah peniaga-peniaga kedai runcit dan Alibaba lesen kepada warga asing?
- b) Apakah syarat-syarat tambahan dan langkah-langkah yang difikirkan untuk mengatasinya?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum mengeluarkan arahan untuk PBT menggubal UUK bagi tambahan syarat pengeluaran lesen dan tred masing-masing dalam mengekang masalah peniaga-peniaga kedai runcit dan alibaba lesen kepada warga asing.
- b) Pihak Majlis telah menetapkan beberapa syarat lesen yang melibatkan warga asing. Berikut merupakan syarat-syarat pematuhan lesen perniagaan dan iklan (pengambilan pembantu yang melibatkan warga asing):
  - Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menggaji dan / atau mengambil pembantu / pekerja warga asing yang tidak mempunyai pas yang sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959 / 63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963);
  - Pemegang lesen hendaklah mengemukakan jumlah bilangan dan senarai nama pekerja asing yang bekerja di premis perniagaan yang dileSENkan;
  - Pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan permit kerja yang sah dan masih dalam tempoh daripada Jabatan Imigresen bagi semua pekerja tersebut;
  - Pemegang lesen tidak dibenarkan untuk meletakkan mana-mana pekerja asing di kaunter hadapan premis perniagaan sebagai juruwang; dan

- Pemegang lesen dilarang untuk sublet lesen perniagaan yang diluluskan kepada mana-mana warga asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : ISU KAJI STRUKTUR TANAH PANGSAPURI TAMAN TELUK GADONG INDAH**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hasil laporan siasatan tanah yang dijangka telah bermula pada pertengahan bulan Ogos 2019 yang lalu di Pangsgupuri Taman Teluk Gedong Indah?
- b) Bilakah kerja-kerja pembaikan akan mula dijalankan?

**JAWAPAN:**

- a) Mesyuarat pada 4 dan 12 Mac 2019 yang diselaraskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah memutuskan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor untuk membuat siasatan lanjut di tapak serta menyediakan perincian kos bagi siasatan tanah dan kos keseluruhan baikpulih pangsgupuri Teluk Gadong Indah. Lawatan pemeriksaan terperinci bagi mengenalpasti skop pembaikan telah dijalankan pada 17/07/2019 oleh pihak JKR negeri. Namun begitu, pihak MPK masih belum menerima sebarang laporan tersebut dari pihak JKR.
- b) Kerja-kerja pembaikan juga masih belum dijalankan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : KEKERAPAN PEMBERSIHAN SUNGAI KG. KAYU ARA**

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banjir kini kerap berlaku di kawasan Kg. Cempaka dan lain-lain berkemungkinan akibat air yang melimpah keluar dari sungai. Apakah kekerapan jadual pembersihan sungai terutamanya di sungai Kg. Kayu Ara?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Kayu Ara secara berkala. Skop penyelenggaraan adalah memotong rumput dan membersihkan sampah sarap di tebing dan dalam Sungai Kayu Ara. Bagi tahun 2019, penyelenggaraan dijalankan dengan kekerapan dua bulan sekali.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Siasatan di tapak mendapati kejadian banjir adalah berpunca daripada dasar sungai yang cetek disebabkan oleh batu hampar. Bagi mengurangkan risiko banjir, JPS Petaling sedang melaksanakan kerja-kerja memecahkan batu hampar di dalam Sungai Kayu Ara di Kampung Cempaka secara "one-off". Projek ini telah dimulakan pada 7 Oktober 2019 dan dijangka akan disiapkan pada 2 Disember 2019. Dengan siapnya projek ini, ianya dijangka dapat melancarkan aliran air sungai dan mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

Kawasan terlibat banjir adalah Kampung Cempaka dan Jalan SS4D. Rekod banjir adalah seperti jadual di bawah.

Tahun	Kejadian Banjir
2017	-
2018	1 (29.11.2018)
2019	1 (09.10.2019)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**  
**(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : JURANG PENDAPATAN ISI RUMAH**

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah dan inisiatif kerajaan bagi menangani pelebaran jurang pendapatan isi rumah antara kumpulan 20 peratus teratas dengan 40 peratus terbawah?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagaimana kita semua sedia maklum, sebahagian besar bantuan-bantuan di bawah program anjuran Kerajaan Negeri Selangor adalah disasarkan kepada golongan yang berpendapatan rendah khususnya golongan B40 sama ada di luar bandar maupun di bandar yang disampaikan melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Program-program di bawah agenda IPR adalah merupakan program jangka panjang yang bersifat holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kewangan semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Salah satu program IPR yang dapat merancakkan pendapatan golongan B40 ialah Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi melalui penjanaan/peningkatan pendapatan bagi golongan masyarakat yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan atau mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan.

Pada tahun 2018, satu kajian impak bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan telah dijalankan oleh Institut Darul Ehsan (IDE). Sejumlah 1171 penerima bantuan telah digunakan sebagai sampel di dalam kajian impak ini. Hasil dapatan mendapati 87% iaitu seramai 1019 daripada 1171 orang penerima bantuan telah Berjaya meningkatkan pendapatan selepas menerima bantuan mesin/peralatan daripada Kerajaan Negeri. Laporan Akhir Kajian Penilaian Impak Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan menunjukkan responden dari kalangan penerima bantuan iaitu 95% bersetuju bahawa bantuan

mesin/peralatan yang diterima telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan bulanan mereka.

Selain daripada itu, bermula pada tahun 2020 Jawatankuasa ini merancang untuk melaksanakan program pengupayaan pendapatan melalui penyediaan kursus kemahiran keusahawanan secara berfasa. Kursus tersebut meliputi aspek pengurusan kewangan, kaedah pemasaran secara *online*, pensijilan, pembungkusan produk, penjenamaan dan lain-lain. Ini bagi memastikan penerima-penerima bantuan bersedia untuk meningkatkan pendapatan diri serta perniagaan ke tahap yang lebih tinggi sekali gus merapatkan jurang pendapatan di antara golongan 20 peratus ke atas dan 40 peratus terbawah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : PENINGKATAN HASIL PERTANIAN LUAR BANDAR**

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri berhasrat menujuhkan pusat kaji selidik dan membangun ( RND ) di kawasan DUN sungai air tawar bagi tujuan pembangunan pertanian bersepadu untuk Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan jika ada?
- c) Berapa lama tempoh masa diambil untuk tujuan tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menujuhkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kawasan DUN Sungai Air Tawar memandangkan pada ketika ini Institut Penyelidikan Dan Pembangunan Malaysia (MARDI) Selangor telahpun mempunyai stesen-stesen penyelidikan di Kelang, Tanjung Karang dan Serdang dan setiap satunya mempunyai bidang kepakaran tersendiri.

Namun begitu, melalui pelaksanaan inisiatif klusterisasi pertanian yang turut menumpukan Daerah Sabak Bernam, Kerajaan Negeri boleh mengkaji kesuaian Kawasan DUN Air Tawar untuk tujuan tersebut pada masa akan datang.

- b) Memandangkan perkara tersebut masih belum dilaksanakan, tiada peruntukan yang disediakan pada ketika ini.
- c) Kerajaan Negeri belum menetapkan tempoh untuk pelaksanaan penubuhan penyelidikan dan pembangunan (R&D) memandangkan perkara tersebut belum termasuk dalam agenda untuk pelaksanaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : ISU BANJIR JALAN B27**

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapa kali berlaku bencana banjir di Jalan B27 "Missing Link" pada tahun 2008 hingga 2019?
- Apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

**JAWAPAN:**

- Berdasarkan rekod banjir JPS dari tahun 2008 hingga bulan September 2019 sebanyak 15 kali banjir berlaku di Jalan B27. Pecahan kejadian banjir di kawasan ini dari tahun 2008 hingga bulan September 2019 adalah seperti Jadual di bawah:-

KAWASAN	BIL. KEJADIAN BANJIR DILAPORKAN MENGIKUT TAHUN											JUMLAH
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	
Jalan B27 Jusco-Rawang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	11      4      15

- Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan projek Menaiktaraf Sungai Gong Dan Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-Kerja Berkaitan Fasa 1 Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor. Kos projek adalah sebanyak RM7.6 juta. Kemajuan pelaksanaannya adalah 95% dan dijangka siap pada Disember 2019. Manakala pelaksanaan untuk Fasa 2 Jabatan Pengairan dan Saliran sedang mengadakan kerja-kerja siasatan awalan bagi tujuan rekabentuk cadangan projek tebatan banjir di kawasan tersebut yang merangkumi pembinaan 2 buah kolam takungan banjir di kawasan perindustrian Taman Pelangi dan kawasan bersebelahan tol Rawang.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Tiada banjir direkodkan di kawasan ini dari tahun 2008 hingga 2017. Punca banjir pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh aras jalan yang rendah, aliran Sungai Gong tidak dapat mengalir dengan lancar kerana terdapat struktur dan juga projek JPS dan JKR di dalam pelaksanaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PROJEK CCTV SSDU**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah progres projek CCTV oleh SSDU di Subang Jaya?
- b) Adakah projek tersebut akan mengkaji penggunaan CCTV untuk penguatkuasaan kesalahan trafik?

**JAWAPAN:**

- a) Projek rintis Sistem Pengurusan Analisis Video Keselamatan dan Pengawasan di sekitar kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya kini sedang dalam peringkat pengujian analitik untuk pemadanan muka (*face recognition*), pengecaman insiden dan objek, pengiraan orang, serta pembangunan *dashboard*. Keseluruhan pengujian dan pembangunan *dashboard* ini dijangka selesai pada penghujung 2019.
- b) SSDU sedang meneliti insiden-insiden yang boleh dirakam menerusi CCTV tersebut untuk membuat pengujian analitik dan memperincikan insiden-insiden tertentu seperti kesalahan trafik yang melibatkan pihak PDRM dan insiden-insiden perbandaran seperti kesalahan parkir yang melibatkan operasi penguatkuasaan PBT.

Sekiranya ini menjadi keutamaan PDRM, maka sistem analitik untuk insiden-insiden yang tersebut di atas akan dikongsi dan disalurkan kepada pihak PDRM untuk tujuan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN UNTUK GRADUAN MENGANGGUR**

273. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada para lepasan universiti daripada kalangan anak Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam usaha bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri Selangor melalui *Invest Selangor* telah melaksanakan inisiatif berkaitan bagi menarik pelaburan yang berpotensi dengan mengambil pendekatan dasar terbuka bagi meneruskan kecemerlangan pertumbuhan ekonomi negeri. Sejak penubuhan, *Invest Selangor* telah berjaya menarik lebih daripada 5,104 projek perkilangan di Selangor. Secara tidak langsung bertanggungjawab untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang luas dan menarik kepada belia Selangor khususnya kepada golongan siswazah.

Kerajaan Negeri Selangor turut mengambil inisiatif lain dalam menganjurkan program - program tersebut bagi meningkatkan peluang pekerjaan kepada belia Selangor termasuk golongan Siswazah seperti berikut:

i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**

Program Karnival Kerjaya - *Selangor Job Fair* merupakan program yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia Selangor. Program yang dilaksanakan dua (2) kali setahun ini telah diperkenalkan sejak tahun 2015, merupakan platform bagi menghimpunkan majikan-majikan di negeri Selangor dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor khususnya kepada golongan belia. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Selain itu, membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing. Pengisian program ini ialah temuduga terbuka bagi mengisi kekosongan jawatan dari peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga Ijazah. Selain itu, terdapat sesi perkongsian informasi, taklimat dan

penerangan agensi, pameran jabatan / agensi luar dan peluang keusahawanan.

ii. **Pendidikan Kemahiran dan Vokasional**

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional dan pembentukan pelajaran berdasarkan kelayakan pemohon.

iii. **Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)**

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan
- Kursus Percetakan Segera Pentaulahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (Online)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
- *Mobile Service Aircond*
- Cuci Kasut
- Mobile Barber
- Ayam Gunting
- Terapi Bekam
- Bakery
- *Mobile Spa*
- Dekorasi Pelamin
- Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor

(RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

iv. **Program Inisiatif Kemahiran Teknikal & Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS)**

Pada tahun 2018, Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) telah diperkenalkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 1,000 belia Selangor dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional yang memberi fokus kepada lima bidang utama dalam industri iaitu sains hayat, elektrik dan elektronik, jentera dan peralatan, makanan dan minuman serta aeroangkasa. Program ini ditawarkan kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia – belia ini akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri – industri di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SMART IPR**

274. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini SMART IPR?
- b) Nyatakan jumlah penerima IPR dalam data bank setakat ini mengikut skim IPR dan kawasan DUN.

**JAWAPAN:**

- a) Pembangunan projek Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR) ini bermula pada 14 Mac 2019 dan terbahagi kepada dua fasa pembangunan. Pembangunan fasa 1 dijangka akan siap pada 14 November 2019 dan pembangunan fasa dua dijangka siap pada 18 Ogos 2020.

Seperti sedia maklum, YAB Dato' Menteri Besar Selangor telah membuat pengumuman rasmi tentang pendaftaran Permohonan Program IPR untuk Skim Air Darul Ehsan yang bermula pada 30 September hingga 31 Disember 2019.

Skop kerja SSIPR adalah seperti berikut:

- Pembangunan Sistem Portal SSIPR
- Pembangunan Back Office SSIPR
- Pembangunan Aplikasi Mobile Android dan IOS
- Pembangunan Pengkalan Data SSIPR
- Pembangunan API & Penyelarasian Data
- Training and Transfer of Technology

**STATUS KEMAJUAN PEMBANGUNAN PROJEK**

Sehingga 18 Oktober 2019, status kemajuan Pembangunan SSIPR telah mencapai 52% dan berikut merupakan peratusan pembangunan mengikut skop kerja yang telah ditetapkan :

- Provision Infrastructure Setup for Cloud - 100%
- Perancangan dan Keperluan Pengguna - 99%
- Pembangunan Back Office SSIPR - 98%
- Pembangunan Pengkalan Data SSIPR Fasa 1 - 98%
- Pembangunan Sistem Portal SSIPR Fasa 1 - 98%
- Pembangunan API & Penyelarasan Data Fasa 1 – 81%
- Pembangunan Aplikasi Mobile SSIPR – 98%
- Pengujian Komprehensif Fasa 1 – 16%
- Pembangunan Sistem Portal SSIPR Fasa 2 – 58%
- Pembangunan API & Penyelarasan Data Fasa 2 - Belum Bermula
- Pengujian Komprehensif Fasa 2 - Belum Bermula
- Training and Transfer of Technology (TOT) - Belum Bermula

Manakala, bagi status kemajuan pengintegrasian SSIPR bersama sistem sedia ada pula telah mencapai 71% yang melibatkan lapan (8) Skim IPR untuk fasa pertama seperti berikut :

- I. SPBT & Selgate : Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)
- II. SPBT & Selgate : Skim Peduli Sihat (SPS)
- III. YAWAS : Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
- IV. Makro UPEN dan Air Selangor : Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu
- V. YAWAS : Skim Mesra Usia Emas (SMUE)
- VI. YAWAS : Skim Kesihatan Wanita (MammoSel)
- VII. SPBT : Bantuan Sihat Selangor
- VIII. LPHS : Skim Rumah Selangorku

- b) Jumlah keseluruhan kesemua penerima faedah bagi program IPR sehingga September 2019 adalah sebanyak 35,005,017 tidak termasuk penerima bagi Program Air Percuma 20 Meter Padu kerana penerimanya merupakan seluruh penduduk di Negeri Selangor yang berdaftar.

Data-data yang diperolehi kebanyakannya tiada dalam bentuk pecahan DUN kerana data-data tersebut disimpan mengikut pecahan tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JALAN DI DUN SUNGAI KANDIS**

275. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status 2 projek yang tertangguh iaitu Projek Pembinaan Jalan Alternatif Shah Alam - Banting (Pakej 1 : CH 0.00 - CH 1200.00) dan Projek naik taraf Kg Lombong?
  
- b) Apakah punca tertangguhnya 2 projek ini dan jaminan ia tidak berulang?

**JAWAPAN:**

- a) Projek Pembinaan Jalan Alternatif Shah Alam - Banting (Pakej 1 : CH 0.00 - CH 1200.00) masih diperingkat pembinaan dan kemajuan semasa projek adalah 92% dan dijangka siap pada **30 Disember 2019**.

Manakala projek Menaiktaraf Kg Lombong Klang (Fasa 2) masih diperingkat pembinaan dengan kemajuan semasa **67%** dan dijangka siap pada hujung **Julai 2020**.

- b) Bagi Projek Pembinaan Jalan Alternatif Shah Alam - Banting (Pakej 1 : CH 0.00 - CH 1200.00) mengalami kelewatan disebabkan oleh masalah teknikal struktur tanah (*Marine Clay*) yang perlu diperkuatkan dengan rawatan geoteknikal. Manakala Projek Projek Menaiktaraf Kg Lombong( Fasa 2-Klang) mengalami kelewatan disebabkan oleh isu Pengalihan Utiliti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : RIZAB KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

276. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah terkini Rizab Kerajaan?
- b) Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kedudukan Rizab Kerajaan dalam keadaan yang sihat?

**JAWAPAN:**

- a) Rizab Kerajaan Negeri Selangor adalah terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi maksud Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Rizab pada 30 September 2019 adalah sebanyak RM2,240.66 juta yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM828.79 juta, Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM1,401.78 juta dan Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM10.09 juta.
- b) Jawapan kepada soalan ini akan menjuruskan secara spesifik kepada Akaun Hasil Disatukan. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan Rizab Kerajaan melalui peningkatan di dalam prestasi kutipan hasil, mengawal perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan serta memastikan peningkatan kedudukan kewangan di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Di antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Rizab Kerajaan di dalam keadaan baik adalah dengan memperkemas dan membuat penambahbaikan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah penjimatan di dalam menguruskan perbelanjaan wang awam. Kerajaan Negeri sentiasa yang menekankan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta akauntabiliti dalam semua urusan bagi memastikan nilai serta kualiti bagi perbelanjaan yang dikeluarkan dalam semua urusan adalah yang terbaik (*value for money*) melalui kaedah perolehan yang holistik seperti berikut:

- i. Mewujudkan sistem tender terbuka didalam semua perolehan Kerajaan Negeri.

- ii. Kaedah Penilaian secara “Cut Off” iaitu penentuan harga munasabah berdasarkan nilai projek.
- iii. Mengeluarkan pekeliling perbelanjaan berhemah

Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha meningkatkan kedudukan kewangan adalah dengan memastikan pengurusan rezab diurus dengan cekap dan teratur dan memastikan segala dasar, program, projek dan aktiviti yang dirancang bagi pembangunan Negeri Selangor dan kebijakan rakyat Negeri Selangor dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi kewangan dari aspek kutipan hasil adalah seperti berikut :

- (i) Sesi *engagement* yang berterusan oleh pihak Pejabat Tanah Galian Selangor dan Pejabat Daerah / Tanah dengan pihak pemohon dan syarikat sekiranya terdapat isu atau masalah dalam menjelaskan premium yang dikenakan;
- (ii) Melaksanakan kutipan cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaaan 2016) (A1518) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018;
- (iii) Operasi Mengutip Cukai Tanah tertunggak ke atas penunggak tegar dan van kaunter kutipan hasil cukai tanah bergerak;
- (iv) Program Perjumpaan Bersama Penduduk oleh Pejabat Daerah / Tanah dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor bagi urusan permohonan pindah milik / hakmilik strata dan membuka kaunter bayaran cukai tanah;
- (v) Penguatkuasaan oleh Unit Cukai Hiburan Perbendaharaan Negeri Selangor ke atas pengusaha Pusat Hiburan / Panggung Wayang / Taman Tema / Litar Lumba / Pertunjukan Pentas bagi memastikan duti hiburan diterima oleh Kerajaan Negeri;
- (vi) Pewujudan Jawatankuasa Pengurusan Tunai Kerajaan Negeri yang membantu Kerajaan Negeri dalam menguruskan lebihan tunai dengan lebih efisien di samping memberi pulangan faedah yang optimum;

- (vii) Pengenaan Caj Royalti bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa sebagaimana yang termaktub di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan 2017) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (viii) Pengenaan Caj Fi Premium Kawasan, Permit Penggunaan serta caj-caj fi yang berkaitan penggunaan kawasan Hutan Simpanan Kekal dan pengeluaran hasil hutan berdasarkan Kaedah-Kaedah Hutan Selangor (Pindaan) 2017 yang telah dinaikkan kadar oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor;
- (ix) Melaksanakan semakan semula kadar ke atas Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Pindaan) 2007 kerana terdapat pertambahan perkhidmatan dan kadar bayaran yang dikenakan ketika ini adalah berdasarkan kadar pada 11 tahun dahulu;
- (x) Merangka pengenaan Fi Pemprosesan dan Wang Cagaran Permohonan Papan Iklan di dalam Rizab Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri;
- (xi) Melaksanakan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber hasil *biodiversity* yang dikomersialkan bagi tujuan penyelidikan, perubatan dan kosmetik dipantau dan dikongsikan. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Perhutanan Negeri akan memproses permohonan permit dan mengenakan bayaran bagi setiap permohonan yang diluluskan; dan
- (xii) Merangka pelaksanaan Kaedah-Kaedah Perikanan Darat (akuakultur). Apabila ia dikuatkuasakan kelak, semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan darat (akuakultur) akan dikenakan caj-caj tertentu di mana pada ketika ini tiada sebarang ikatan untuk pengenaan sebarang caj. Selain daripada itu juga, tindakan penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan lebih baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU PEMILIKAN TANAH KAMPUNG SERI TANJUNG MUKIM DENGKIL,  
DAERAH SEPANG, SELANGOR.**

277. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemilikan tanah terhadap keluarga yang telah lama menetap di Kampung Sri Tanjung Mukim Dengkil?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, Kampung Sri Tanjung (Tanah Rizab Melayu) seluas lebih kurang 80 ekar telah dipohon bagi tujuan pertanian oleh para peneroka. Sebanyak 36 hak milik telah dikeluarkan susulan kelulusan MMKN Bil.3/2004 pada 20 Januari 2004 manakala 45 hakmilik dikeluarkan kepada peneroka yang telah mengusahakan tanah sebelum 2008 dan masih lagi mengusahakan sehingga kini berdasarkan kelulusan MMKN Bil.17/2017 pada 24 Mei 2017. Sebanyak 13 pemohon juga telah ditolak oleh MMKN Bil. 17/2017 atas sebab bukan peneroka asal, permohonan bertindih, tiada usaha di atas tanah, tanah hakmilik, dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

278. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan pada 2019?
- b) Nyatakan peratusan peruntukan yang tidak digunakan mengikut jabatan?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri **melalui Perbendaharaan Negeri Selangor** sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak **RM701,834,874.30** dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala, peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agensi terlibat** adalah sebanyak **RM43,554,631.10** dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

- b) Tiada peratusan peruntukan yang tidak digunakan kerana pemberian-pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan jumlah tuntutan oleh Jabatan yang terlibat bagi sesuatu tahun kewangan yang telah diaudit pada tahun sebelumnya.

Terimaan Pemberian Persekutuan akan diperakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dan perbelanjaan adalah mengikut undang-undang atau kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan.

**LAMPIRAN A**

Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan  
**Negeri Selangor** sehingga 31 Oktober 2019

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Pemberian Persekutuan</b>	<b>Jenis Akaun</b>	<b>Akta Perlembagaan</b>	<b>Jabatan/ Agensi Terlibat</b>	<b>Terimaan Sehingga 31 Oktober 2019 (RM)</b>
1.	Pemberian Penyenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS)  <i>(State Road Maintenance Grant)</i>	Amanah	Perkara 109 (1)(b), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kerja Raya (ii) Pihak Berkuasa Tempatan (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iv) Pejabat Daerah dan Tanah	446,743,762.00
2.	Pemberian berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)  <i>(Grant Based On Levels Of Economic Developments, Infra-structure and Well-Being)</i>	Amanah	Perkara 109(6), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Agama Islam Selangor (ii) Jabatan Pertanian (iii) Jabatan Kerja Raya (iv) Jabatan Pengairan dan Saliran (v) Pihak Berkuasa Tempatan (vi) UPEN (Pembangunan) (vii) Pejabat Daerah dan Tanah	18,429,000.00
3.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang  <i>(Capitation Grant)</i>	Hasil	Perkara 109(1)(a), Perlembagaan Persekutuan	Terimaan dua kali setahun	75,249,480.00

4.	Pemberian Pembiayaan Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama (50%)  <i>(Concurrent List Grant)</i>	Hasil	Senarai III – Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perkara 82, Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kebajikan Masyarakat (ii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (iii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iv) Majlis Sukan Negeri Selangor (v) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	79,622,811.30
5.	Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Selangor -Kehilangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya  <i>(Compensation And Annual Grant To The State Of Selangor)</i>	Hasil	Perjanjian Kuala Lumpur 1 Feb. 1974  Perjanjian Putrajaya 20 Julai 1995	Terimaan sekali setahun	25,805,638.00
6.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 10% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-Projek Persekutuan  <i>(Grant Based On Performance Of Federal Development</i>	Hasil	Perkara 80(5), Perlembagaan Persekutuan	(i) Jabatan Kerja Raya (ii) Jabatan Pengairan dan Saliran (iii) Jabatan Pertanian (iv) Pihak Berkuasa Tempatan (v) Pejabat Daerah dan Tanah (vi) UPEN (Pembangunan)	9,933,445.00

	<i>Projects)</i>				
7.	Pemberian Pertambahan Hasil <i>(Revenue Growth Grant)</i>	Hasil	Akta Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007	Terimaan sekali setahun berdasarkan prinsip ‘revenue sharing’	34,708,818.00
8.	Pemberian Pelancongan <i>(Tourism Grant)</i>	Hasil	Majlis Kewangan Negara 23 Mei 2019	Terimaan sekali setahun	10,302,420.00
9.	Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-Kampung Baru	Hasil	-	Terimaan sekali setahun	1,039,500.00
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>					<b>701,834,874.30</b>

**LAMPIRAN B**

Peruntukan Kerajaan Persekutuan yang **disalurkan terus kepada Jabatan/Agenzi terlibat** sehingga 31 Oktober 2019

Bil.	Jenis Pemberian Persekutuan	Jenis Akaun	Jabatan/ Agenzi Terlibat	Terimaan Tahun 2019 (RM)
1.	Pemberian Sumbangan 50% Belanja Mengurus daripada Kerajaan Persekutuan	Hasil	i) Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan (PADAT) ii) Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS)	PADAT - 3,571,174.00 PPAS - 9,496,787.30
2.	Pemberian 50% Bagi Membayar Bil Elektrik (Lampu Jalan dan Lampu Isyarat) daripada Kerajaan Persekutuan	Hasil	12 Pihak Berkuasa Tempatan	30,486,669.80
<b>Jumlah Terimaan (RM)</b>				<b>43,554,631.10</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : LOJI PEMBENTUNGAN TERBIAR**

279. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Loji pembentungan yang tidak beroperasi dan telah serah kepada JPP tidak dijaga dan menimbulkan masalah pemberian nyamuk denggi, menjadi tapak sampah haram dan sebagainya. Apakah tindakan yang akan diambil demi menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Jika berlaku aduan atau didapati disyaki atau berlakunya pemberian nyamuk di sesuatu premis persendirian, sektor swasta maupun kerajaan, PBT boleh mengambil tindakan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara tindakan yang akan diambil berkaitan loji pembentungan yang tidak beroperasi dan telah diserahkan kepada JPP (Jabatan Perkhidmatan Pembentungan) adalah seperti berikut:-
- i. PBT akan mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta 171 kepada pemilik di mana pemilik dikehendaki membersihkan premis tersebut dalam tempoh 14 hari.
  - ii. PBT akan mengeluarkan kompaun di bawah Seksyen 82(5), Akta 171 kepada pemilik yang tak mematuhi notis.
  - iii. Sekiranya tindakan pembersihan tidak dibuat oleh pemilik dalam tempoh yang ditetapkan, PBT boleh melantik kontraktor pembersihan swasta untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan tersebut serta kos untuk kerja-kerja pembersihan akan dituntut kepada pemilik.
  - iv. Tindakan pendakwaan mahkamah boleh diambil ke atas pemilik yang ingkar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KEBANJIRAN WARGA ASING**

280. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan langkah-langkah bagi mengatasi kebanjiran warga asing yang menjadi peniaga kedai runcit dan kedai gunting rambut?

**JAWAPAN:**

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan Soalan 242 daripada Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamzan (N 15 Taman Templer) berkaitan Masalah Pendatang Asing.

- a) Pada masa ini, bagi tujuan mengatasi masalah pendatang asing yang banyak membuka perniagaan di Negeri Selangor, PBT telah membuat ketetapan dasar bahawa PBT tidak melesenkan perniagaan kecil/ sederhana (penjaja) kepada warga asing. Bagi premis-premis PBT seperti gerai dan pasar, mana-mana penyewa yang di dapati menyewakan lesen serta premis kepada warganegara asing akan diambil tindakan penamatan atau pembatalan lesen/permit kepada penyewa serta operasi sitaan barang juga akan dilakukan oleh pihak penguatkuasaan.

Walaubagaimanapun, bagi permohonan lesen perniagaan, secara dasarnya, mensyaratkan dan berpandukan kepada Perakuan Pendaftaran Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Maklumat Pemilikan Syarikat, iaitu warga asing yang telah mendaftar syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai permit dan visa yang sah untuk menjalankan perniagaan tersebut. Disamping menetapkan jumlah modal berbayar hendaklah tidak kurang dari RM500,000.00